# PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEMBAYAR CUKAI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD SECARA DALAM TALIAN

1. Layari http://www.hasil.gov.my/ dan klik pada pautan seperti paparan rajah di bawah.




2. Kemudian, klik pada ikon berikut:



Paparan berikut akan keluar. Klik pada menu Daftar PLT untuk papar borang pendaftaran pembayar cukai perkongsian.



3. Skrin Maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad dipaparkan. Paparan skrin ini mempunyai dua bahasa yang boleh dipilih sama ada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Sila masukkan nama PLT, nombor pendaftaran PLT, bilangan pekongsi, e-mel, tarikh PLT mula beroperasi, tarikh mula akaun, tarikh tutup akaun, nombor telefon, kod perniagaan utama dan alamat surat-menyurat. Jika memilih  pertukaran kepada PLT sila masukkan jenis fail dan nombor cukai pendaftaran sebelum pertukaran kepada PLT.



4. Skrin Maklumat Pekongsi dipaparkan. Sila masukkan maklumat pekongsi utama, maklumat pekongsi kedua, maklumat pekongsi ketiga dan tambah pekongsi. Klik butang tambah pekongsi untuk menambah ahli kongsi berikutnya.




Skrin Tambah Pekongsi. Sila masukkan nama pekongsi, klik salah satu sama ada nombor kad pengenalan atau nombor passport atau nombor pendaftaran syarikat. Sila pilih jenis fail dan masukkan nombor cukai pendapatan.



5. Skrin Maklumat Pegawai Pematuhan dipaparkan. Sila masukkan nama pegawai pematuhan, nombor kad pengenalan atau nombor passport, jenis fail, nombor cukai pendapatan, nombor telefon, e-mel dan alamat surat-menyurat.




6. Skrin Maklumat Ejen Cukai dipaparkan. Sila masukkan nama firma, nombor kelulusan ejen cukai, nombor telefon, e-mel dan alamat firma



7. Skrin Pendaftaran Fail Majikan dan Akuan Pegawai Pematuhan dipaparkan. Sila masukkan bilangan pekerja, nama pegawai pematuhan, nombor kad pengenalan atau nombor passport, jawatan dan tarikh. Klik butang setuju untuk memaparkan nombor permohonan.




8. Skrin maklumat nombor permohonan dipaparkan seperti berikut. Sila catat atau cetak nombor permohonan untuk rujukan. Layari http://edaftar.hasil.gov.my/PLT/infomuatplt.php untuk menyemak nombor rujukan cukai dan muat naik dokumen. Layari http://maklumbalas.hasil.gov.my.borangaduan.php untuk muat naik kemudian.



9. Skrin semakan nombor permohonan dan muat naik dokumen. Sila masukkan nombor permohonan untuk membuat semakan dan status permohonan akan dipaparkan. Klik butang 'Muatnaik' untuk muat naik dokumen.

   Spesifikasi fail yang ingin dimuat naik adalah seperti berikut:
   - Saiz fail mestilah 40k hingga 300k.
   - Fail yang dimuat naik mestilah jenis .gif atau .jpg sahaja.
   - Hanya muka depan yang menunjukkan nama dan nombor dokumen diperlukan.


Untuk

- Menyemak Status Permohonan
- Mencetak Maklumat Pendaftaran Perkongsian
- Muatnaik Dokumen Perkongsian

Sila Masukkan No Permohonan: - PLT5b8e099641dc3 Semak:
(No Permohonan Adalah Case Sensitive)

| | |
|---|---|
| Nama : | |
| No. Daftar Perniagaan: | |
| Tarikh Permohonan: | |

Status

Muat naik dokumen

Muat naik dokumen Anda. Sila Ambil Perhatian :
Saiz image 40k hingga 300k: Format .gif dan .jpg sahaja
Hanya Muka Depan Yang Menunjukkan Nama Dan Nombor Dokumen Diperlukan.
Muat Naik Fail Anda:

Choose File No file chosen Muatnaik

Muatnaik Maklumat Perniagaan dan Senarai Ahli Kongsi (format PDF) di sini

Anda Juga Boleh Menghantar Dokumen Anda Melalui:

Borang Maklumbalas Pelanggan:Klik disini

Faks : 03-8922 1676

Masalah/Aduan/Komen : 03-8913 3800